

## Perolehan koperasi kariah masjid RM20 juta

**KUALA LUMPUR 21 Jan.** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menganggarkan perolehan koperasi kariah masjid akan meningkat sebanyak RM20 juta bagi tahun ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga 30 Jun lalu, perolehan koperasi kariah masjid adalah sebanyak RM6.4 juta dan dijangka ada peningkatan perolehan sebanyak RM10 hingga RM15 juta bagi tempoh setahun.

“Peningkatan perolehan yang berlaku adalah menerusi penubuhan koperasi kariah masjid yang meliputi bidang ekonomi, sosial dan memburdayakan ahli koperasi menerusi aktiviti perniagaan yang boleh menjana ekonomi ummah setempat.

“Sehingga kini, kita mempunyai 426 buah masjid yang menubuhkan koperasi kariah



ABDUL FATTAH

masjid daripada jumlah keseluruhan masjid di negara ini iaitu sebanyak 6,442 buah,” katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahun Kedua Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah Ampang Berhad di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata, pihaknya menggalakkan lebih banyak masjid menubuhkan koperasi kariah sebagai platform untuk menggerakkan ekonomi masyarakat Islam.

“Pada tahun ini kita sasarkan sebanyak 100 buah masjid yang akan menubuhkan koperasi kariah masjid,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan ke Kemboja pada hujung bulan ini dan ke negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada pertengahan tahun bagi memperkenal serta memperluaskan konsep koperasi kariah masjid ke peringkat global.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia